



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN MADANI KEPADA BADAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2026

LABUAN, 8 FEBRUARI 2026: Jabatan Wilayah Persekutuan menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyampaikan Bantuan MADANI Kepada Badan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2026 berjumlah RM60,000 kepada keseluruhan 19 badan sukan.

Datuk Lo Su Fui, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) menyampaikan bantuan ini yang berlangsung di Plaza Berpayung Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Dalam ucapan perasmianya, Timbalan Menteri itu menegaskan bahawa bantuan pentadbiran yang diberikan itu adalah satu "dana amanah" yang menuntut pengurusan berintegriti serta tata kelola (*governance*) yang terbaik.

Bantuan MADANI yang merupakan bantuan pentadbiran diberikan pada setiap tahun ini diberikan kepada hanya badan sukan yang berdaftar dan bergiat aktif di Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga di Labuan.

Dalam ucapannya, Datuk Lo turut mengingatkan tentang Penarafan Bintang (*Star Rating*) yang bakal diadakan pada tahun hadapan.

“Suka saya ingatkan semua badan-badan sukan di Labuan khususnya untuk mengemaskini segala pentadbiran termasuklah aspek pengurusan dokumen,

kecekapan kewangan, serta senarai pencapaian badan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Saya yakin dengan adanya sistem penarafan ini, badan-badan sukan akan lebih berdaya saing dan berwibawa dalam memastikan prestasi sukan Wilayah Persekutuan terus cemerlang,” katanya.

Katanya juga penilaian itu nanti bakal menjadi tanda aras (*benchmark*) kecekapan pengurusan dengan badan sukan yang berjaya mencapai penarafan 4 atau 5 bintang bakal menerima pengiktirafandan juga insentif khas.

Sementara itu, Majlis Penyerahan Bantuan MADANI Kepada Badan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan diadakan pada 8 April 2026.

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).

TAMAT